

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SAU409 - Seminar Hubungan Etnik dan Ras

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan di dalam Bahagian A wajib dijawab dan jawab lagi dua soalan di dalam Bahagian B.

Bahagian A

Soalan ini WAJIB dijawab.

1. Huraikan konsep-konsep di bawah ini dengan ringkas serta berikan satu contoh yang ada kaitan dengan perhubungan ras dan etnik bagi setiap satunya.
 - i. Ikatan individu dan ikatan kumpulan. (15 markah)
 - ii. Tindakan statistik dan katogerikal. (15 markah)
 - iii. kejahilan bersama. (15 markah)
 - iv. Sikap optimisme dan pesismisme. (15 markah)
 - v. Dorongan individu dan bentuk-bentuknya. (40 markah)
- (100 markah)

...2/-

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Pada pandangan anda, apa pengertian bangsa Malaysia? Apakah bukti-bukti yang berlaku di dalam masyarakat Malaysia masakini yang menunjukkan ini boleh terjadi?

(100 markah)

3. Apakah prinsip-prinsip teori pemilihan rasional tentang hubungan etnik dan ras? Berdasarkan prinsip-prinsip ini, gubalkan beberapa dasar dan program pembangunan masyarakat pelbagai etnik yang boleh membina dan menyuburkan pembentukan masyarakat Malaysia yang berkasih sayang, harmoni dan bersatupadu.

(100 markah)

4. "Raja di dalam diri manusia adalah hati, manakala akal dan nafsu adalah hanya penasihat-penasihatnya sahaja." Huraikan kenyataan ini di dalam kontek membina masyarakat pelbagai etnik yang berkasih sayang, harmoni dan bersatupadu.

(100 markah)

5. "Kejayaan kerajaan Malaysia adalah kerana ia berjaya membangun tamadun material yang boleh dirasai bersama oleh rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik. Namun demikian, kesilapan terbesarnya pula adalah kerana ia gagal menyuburkan pegangan dan keyakinan beragama di dalam setiap golongan etnik di Malaysia." Huraikan kenyataan ini di dalam membina hubungan di antara etnik yang berkasih sayang, harmoni dan bersatupadu.

(100 markah)